



## 108<sup>1</sup> LATA 'IF AL-ISYARAT: SENTUHAN SUFI DALAM PENTAFSIRAN AL-QURAN

Khairunnisa Ismail

Faculty of Islamic Civilisation Studies  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

### Abstrak

Tafsir merupakan satu bidang pengajian yang memainkan peranan penting khususnya dalam prakarsa untuk memahami al-Quran. Justeru, al-Quran merupakan kitab suci yang diturunkan kepada seluruh umat manusia sebagai panduan dalam menjalani kehidupan. Corak pentafsiran Isyari merupakan salah satu corak pentafsiran yang digunakan oleh para ahli tafsir, dalam menafsirkan Al-Qur'an. Menerusi metode ini, pentafsir mentafsirkan al-Qur'an dengan pemaknaan yang bukan dilihat hanya menerusi makna lahiriahnya sahaja, tetapi dikaitkan dengan isyarat menerusi pengalaman rohani yang ditempuh oleh para sufi. Biasanya hal ini terdapat dalam kitab-kitab tafsir sufistik. Kitab *Lata 'if al-Isyarat*, karangan *al-Qusyayri* merupakan salah satu daripada kitab-kitab tafsir yang menggunakan metode tasawuf atau pentafsiran Isyari.

**Kata Kunci:** *Lata 'if al-Isyarat, al-Qusyayri, Pentafsiran Isyari*

### 1.0 Pendahuluan

Al-Quran al-Karim merupakan sebuah kitab Samawi teragung yang diturunkan oleh Allah s.w.t.. Isi kandungannya adalah padat, lengkap dan mencakupi segenap aspek kehidupan termasuk aspek akidah, syariah, muamalah, ibadah dan sebagainya sinonim dengan fungsinya sebagai dustur kehidupan insan,. Apatah lagi adunan nilai-nilai kesenian dan keindahan yang ada padanya sahaja sudah cukup untuk menyentuh nurani individu yang membaca dan menghayatinya.

Dr. Abd Allah Darraz, seorang pakar tafsir terkemuka di Mesir menyatakan bahawa ayat-ayat al-Quran itu bagaikan batu landasan yang setiap penjurunya memantulkan cahaya. (Abdullah Darraz, 1974) Cahaya-cahaya yang dipantulkannya itu tidak sama kesannya apabila dilihat dari sisi yang berlainan. Kelainan itu disebabkan oleh perbezaan latar belakang keilmuan dan kepakaran orang yang membaca dan mengkaji al-Quran itu sendiri. Jika orang yang membaca dan mengkajinya itu seorang yang pakar dalam bidang fikah, maka dia akan melihat ayat-ayat al-Quran berdasarkan sudut pandang fikah, kemudian jika dia mentafsirkannya pula, maka kemungkinan besar tafsirnya itu lebih cenderung pada perbahasan fikah. Demikian juga, apabila orang yang mengkajinya itu merupakan seorang pakar bahasa, maka biasanya kajiannya itu akan dipengaruhi oleh ilmu tatabahasa Arab dan teori-teori bahasa yang dikuasainya, sehingga tafsirnya itu lebih banyak membincangkan ayat-ayat al-Quran daripada aspek bahasa.

Begitu juga jika orang yang melihat al-Quran itu seorang filosof, maka dia akan melihatnya dari sudut pandang falsafahnya, pada kebiasaannya pentafsirannya akan dipengaruhi oleh falsafah yang dianutinya. Tidak ketinggalan juga, jika orang yang melihatnya itu adalah seorang ahli sufi, maka dia akan melihatnya daripada sudut pandang tasawufnya sehingga sedikit sebanyak nilai-nilai tasawuf yang dianutinya itu akan mempengaruhi pentafsirannya terhadap ayat-ayat al-Quran. (Firdaus Sulaiman, 2016)



Sufi dan tasawuf telah lama bertapak dalam kehidupan umat Islam. Sejarah mereka penuh dengan warna-warni yang menjadikannya mempunyai nilai tersendiri. Warna-warni tasawuf itu turut mempengaruhi perjalanan sejarah al-Quran dan pentafsirannya. (Firdaus Sulaiman, 2016) Pengaruh tasawuf pada tafsir al-Quran jelas kelihatan melalui karya-karya mufasir yang beraliran sufi. Terdapat beberapa karya tafsir yang dipengaruhi oleh pemikiran dan kefahaman tasawuf. Di antara karya tafsir yang tersenarai dalam aliran ini ialah kitab tafsir yang ditulis oleh al-Qusyayri iaitu *Lata’if al-Isyarat*.

## 2.0 Pengenalan Pengarang

Beliau ialah Abd Karim ibn Hawazin ibn Abd Malik ibn Talhah ibn Muhammad al-Qusyayri. (Ibn Kathir, 1997) Beliau terkenal dengan nama al-Qusyayri dan digelar zany al-Islam. Al-Qusyayri dilahirkan pada bulan Rabi’ul Awwal tahun 376H bersamaan dengan bulan Julai tahun 986M. (al-Dawudi, 2002)

Al-Qusyayri berpegang kepada mazhab al-Syafie. Beliau seorang yang faqih dalam ilmu usul, benar dalam percakapan, ahli sunni yang hafiz, ahli tafsir, seorang yang berseni, ahli bahasa dan ahli nahu. Al-Qusyayri berkabat dalam menulis sajak dan syair, memiliki tulisan yang sangat cantik dan berkemahiran menulis yang baik. Di medan peperangan, beliau merupakan pahlawan yang berani, cekap bermain senjata dan pandai menunggang kuda. Beliau adalah satu-satunya individu yang mahir dalam kedua-dua bidang itu pada masa tersebut. Menurut Khatib, beliau seorang yang thiqah, berakhlik mulia serta mempunyai rupa yang menarik. Di dalam majlis-majlis ilmu yang diadakan, beliau aktif bertanya dan memberikan pandangan serta jawapan.

Beliau meninggal dunia di Nisaburi pada hari Ahad 16 Rabi’ul Akhir tahun 4654H dalam usia 70 tahun. Jenazah beliau telah disemadikan bersebelahan dengan kubur gurunya, Abi Ali al-Daqiq. Tidak seorangpun daripada ahli keluarganya yang masuk ke perpustakaannya setelah setahun pemergiannya sebagai penghormatan kepadanya.

## 2.1 Latar Belakang Keluarga

Al-Qusyayri mempunyai darah keturunan Arab. Bapanya berasal dari kabilah Qusyayr al-Adnaniah yang ada pertalian dengan Hawazin. Ibn Hazim menyebut bahawa keturunan Qusyayr ini telah pergi menghala ke Barat menuju Andalus sewaktu pembukaan Islam pada masa pemerintahan Amawiyyin. Manakala segolongan lagi yang sebahagiannya terdiri daripada pemimpin dan gabenor di Khurasan dan Naysabur pula telah bergerak ke Timur. Oleh kerana usianya masih kecil ketika bapanya meninggal dunia, al-Qusyayri diletakkan di bawah jagaan Abi Qasim al-Ilmani. (al-Dawudi, 2002) Ibu beliau bernama Salim (Ibn Kathir, 1997) atau Salmiah. Juga berbangsa Arab dan abang kepada ibunya, Abu Aqir al-Salmi merupakan seorang ketua jajahan di Istawa iaitu daerah kelahiran al-Qusyayri dan merupakan tempat beliau mendapat pendidikan awal.



## 2.2 Pendidikan

Diceritakan bahawa daerah tersebut telah mengalami zaman kemelesetan ekonomi. Lalu para penduduk daerah tersebut terfikir untuk menghantar sebahagian daripada anak-anak mereka ke Naysaburi untuk mempelajari ilmu hisab (Matematik) agar apabila pulang nanti mereka mampu untuk menangani permasalahan ekonomi yang melanda mereka. Turut serta dalam penghantaran tersebut adalah al-Qusyayri.

Lalu bermulalah kehidupan al-Qusyayri sebagai seorang pelajar di Naysaburi. Di sana hatinya telah terpaut untuk mendalamai bidang-bidang pengajian seperti fiqh, ilmu kalam, hadis, tafsir dan adab di samping ilmu yang sedang dipelajarinya. Untuk itu, beliau telah menjalin hubungan dengan beberapa orang ulama terkenal untuk mempelajari ilmu mereka. Al-Qusyayri merupakan seorang murid yang rajin dan sangat cintakan ilmu, khususnya ilmu aqal yang mengetengahkan khilaf antara Asy'irah dan puak Muktazilah. Dalam hal ini beliau banyak merujuk kepada kitab karangan al-Baqillani.

### 2.2.1 Guru-Guru

Keilmuan al-Qusyayri dalam menguasai pelbagai bidang sememangnya tidak boleh dipertikaikan lagi. Segalanya ini adalah hasil daripada didikan guru-guru beliau. Di antara guru-guru beliau yang pernah mendidik beliau berdasarkan bidang-bidang tertentu ialah:

- a. Bidang Hadis: Abi Hussin al-Khaffaf, Abi Nuaim al-asfarayini, Abi Bakr ibn Abd al-Muzakki, Abi Nuaim Ahmad ibn Muhammad, Ali ibn Ahmad al-Ahwazi, Ali Abd. Al-Rahman al-Sulami, Ibn Bakuwayh al-Syairazi dan Hakim, Ibn Fawraq dan Husin ibn Basyran.
- b. Bidang Fiqh: Abi Bakr Muhammad ibn Badr al-Lusi.
- c. Bidang Ilmu Kalam: Abi Bakr Muhammad ibn Furaq.
- d. Bidang Tasawuf: Abi Ali al-Diqaq.

### 2.2.2 Peranan Abi Ali al-Diqaq Dalam Kehidupan al-Qusyayri

Dalam kesibukan beliau menjalani suasana pembelajaran yang berorientasikan ilmu-ilmu tersebut, beliau telah pergi ke suatu majlis yang agak berbeza suasannya. Al-Qusyayri telah cuba untuk mengikuti majlis ilmu Abi Ali al-Diqaq yang agenda perbincangannya berkitar mengenai aspek Tasawuf yang membincangkan tentang aktiviti perjuangan, kekasyaffan, kenikmatan dalam beribadat, konsep kemuliaan dan ketinggian ilmu yang kesemuanya merupakan anugerah daripada Allah SWT kepada hamba-hamba-Nya yang terpilih. Al-Qusyayri begitu tertarik dengan ilmu ini sehingga beliau membisikkan kepada dirinya bahawa beliau diciptakan untuk ilmu ini.

Minatnya dalam bidang ini dapat dilihat apabila beliau selalu hadir awal dalam majlis tersebut dan merupakan orang terakhir yang meninggalkannya. Segala perlakuannya ini menarik minat gurunya sehingga beliau menjadi murid kesayangan Abi Ali.



Al-Qusyayri kemudiannya menemui Abi Ali menyatakan ketidakmampuan beliau untuk mengikuti pengajian yang sedang dipelajarinya dan ilmu yang diajar oleh Abi Ali secara serentak. Beliau sebenarnya lebih berkecenderungan untuk mendalami ilmu tasawuf. Akan tetapi atas nasihat yang baik daripada gurunya beliau kembali meneruskan pengajiannya sehingga beliau mampu untuk menyeimbangkan antara logic akal dan kebatinan. Dalam hal ini Abi Ali al-Diqaq banyak memainkan peranannya sebagai penasihat al-Qusyayri agar beliau tidak terlalu mengikut emosinya yang selalu rindukan kampong halaman dan sering merasa jemu dengan ilmu.

Bertitik-tolak daripada sifat-sifat terpuji yang ada dalam diri al-Qusyayri inilah di samping keteguhan dan tawaduk beliau, beliau telah diterima sebagai menantunya. (Wafiyat al-A'yan, 1998) Hubungan yang telah sedia terjalin menjadi bertambah erat. Abi Ali terus menjadi orang penting dalam kehidupan al-Qusyayri. Beliau turut menjadi idola dan sumber inspirasi al-Qusyayri dalam mendepani hari muka. Beliau turut menjadi tempat rujuk dalam menyelesaikan masalahnya. Segala tindak-tanduk gurunya banyak mempengaruhi peribadi beliau. Kekaguman beliau terhadap gurunya boleh dilihat dalam penulisan beliau, al-Risalah. Nama Abi Ali al-Diqaq tidak pernah lekang dari tulisannya diiring dengan kalimah yang membesar dan memujinya. (Al-Qusyayri, 2000)

### 2.3 Kitab-Kitab Karangan Beliau

Al-Qusyayri turut memberikan sumbangan yang besar dalam dunia penulisan. Beliau banyak mengarang buku-buku yang merangkumi pelbagai bidang. Kemahiran penulisan yang baik pada diri beliau membantunya merealisasikan usaha ini. Antara buku-buku karangan beliau ialah التفسير الكبير، الرسالة، التحبير في التذكير، ادب الصوفية، لطائف الإشارات، الجواهر. المناجات، نكت أولى النهي، شجو القلوب الكبير، شجو القلوب الصغير، الأربعين في الحديث.

Selain itu, terdahulu daripada ini, al-Qusyayri telah mengarang sebuah kitab tafsir lain sebagai ikut-ikutan tanpa suatu prinsip yang tersendiri iaitu kitab al-Taysir fi al-Tafsir. Kitab ini memberi penekanan terhadap bahasa, isytiqaq nahu dan sebab nuzul ayat. Buku ini dikarang sebelum beliau menceburkan diri dalam bidang tasawuf. Lantaran itu, sebahagian besar daripadanya hanya menyentuh aspek zahir ayat. Apabila beliau mengarang kitab al-Lata'if ini, beliau telah mula berjinak-jinak dengan perkara kebatinan dan yang berkaitan dengannya.

### 3.0 Pengenalan Kitab Lataif al-Isyarat

Al-Qusyayri memulakan kitabnya dengan mukadimah yang lengkap serta jelas dalam menyampaikan uslub al-Quran. Ia tidak hanya terbatas dan tuntas kepada pengenalan kitabnya sahaja tetapi merangkumi pengenalan kepada tafsir al-Isyari al-Quran iaitu suatu bidang pentafsiran dengan menggunakan metode tasawuf, metode serta objektifnya yang diaplikasi oleh al-Qusyayri dalam kitab ini.

Lata'if al-Isyarat bermaksud Kehalusan Menerusi Bahasa Isyarat. Penamaan kitab beliau dengan nama Lata'if al-Isyarat ini adalah bersempena dengan penemuan beberapa keajaiban dalam bentuk bahasa isyarat yang dikesan terdapat pada ayat al-Quran sehingga ia boleh



mengesani hati orang yang membacanya. Pentafsiran dalam bentuk ini menurut beliau dapat memberi kesan yang mendalam kepada pembaca.

### 3.1 Keistimewaan Kitab

Kitab ini tidak berpegang kepada pentafsiran dengan menggunakan akal semata-mata. Akasnya pertimbangan akal digunakan mengikut lunas-lunas yang telah ditetapkan oleh ahli tasawuf. Justeru pemikiran hanya boleh menyampaikan kepada fasa permulaan untuk mentashihkan iman tetapi untuk sampai kepada fasa yang lebih tinggi (menurut al-Qusyayri ia bermula dari hati meresap ke roh terus kea lam rahsia dan alam rahsia segala rahsia / ain al-sir) ia memerlukan sesuatu yang berkaitan dengan ilmu akliyah dan nakliyah.

Akan tetapi akliyah dan nakliyah di sini tidak sebagaimana yang digunakan oeh kitab tafsir lain kerana ia hanya berpegang kepada makna zahir. Sedangkan kitab ini tidak hanya berpegang kepada makna zahir serta tidak membuang masa dengan perkara khilafiah. Al-Qusyayri sebaliknya menggunakan kedua-dua kaedah tersebut sebagai rujukan para pentafsir agar tidak dikaburi oleh makna zahir. Di sini jelas menunjukkan bahawa tafsir ini juga adalah tertakluk kepada kaedah-kaedah tertentu.

Kitab tafsir ini tidak mengeksplorasi al-Quran dengan memaksa ia tunduk kepada kemahuan pengarang bagi menyokong pendapat pengarang. Mereka yang cenderung menggunakan akal pemikiran sehingga menyimpang dari landasan yang dibenarkan sebenarnya telah menghadkan skop penulisan mereka kepada ilmu falsafah dan ilmu kalam menyebabkan ia tidak sesuai untuk dipraktikkan dan dijadikan sebagai hujah. Dalam hal ini,tujuan al-Qusyayri dalam penyusunan kitabnya, jelas difahami iaitu untuk mewujudkan atau menthabitkan satu titik pertemuan antara syariat dan hakikat yang ada pada kalam Allah.

Di sini wujud persamaan antara kitab ini dan sebuah lagi kitab karangan beliau, al-Risalah. Al-Risalah memperkenalkan akidah tokoh-tokoh terkemuka yang tidak menyimpang dari asas tauhid al-sufi dengan menonjolkan tingkah laku dan percakapan yang menyokong perkara itu. Kitab ini dibahagikan kepada bab-bab tertentu seperti taubat, zuhud, tawakal, reda, mahabbah dan lain-lain. Setiap bab tersebut pasti disusuli oleh hadis Rasulullah SAW selepas disebutkan firman Allah SWT.

Menurut al-Qusyayri lagi, sewaktu membicarakan topik tafsir al-Isyari, kita perlu mengelakkan diri daripada golongan Muktazilah, Syiah, Bid'ah dan Mulhid. Walaupun mereka berpendapat al-Quran itu mempunyai makna zahir dan batin tetapi sebenarnya pegangan itu hanya digunakan untuk menegakkan akidah mereka yang rosak.

Merurut al-Tiftazasni dalam Syarah al-Aqa'id al-Nafsiah, golongan Mulhid Batiniyah digelar sedemikian kerana mereka mengatakan bahawa al-Quran tidak hanya terbatas kepada makna zahir semata-mata. Bahkan ia mengandungi makna yang tersirat yang hanya diketahui oeh ahli ilmuwan. Sebenarnya tujuan mereka adalah untuk menafikan syariat al-Quran. Al-Tiftazani kemudiannya menemui satu kenyataan bahawa golongan yang berpendapat al-Quran selain daripada makna zahir mempunyai isyarat-isyarat yang tersembunyi yang tersirat dalam tingkah laku yang membangkitkan perlaksanaan hukum zahir dan makna tersirat ke arah kesempurnaan ilmu dan kesucian iman.



Al-Qusyayri sewajarnya diberikan pujian atas prakarsa beliau memelihara kesucian al-Quran dan keiltizamannya mengambil iktibar dan menggali isyarat-isyarat seni yang ada dalam al-Quran.

### 3.2 Metodologi Penulisan

Tafsir ini dimulai dengan pendahuluan daripada al-Qusyayri (satu aspek penting dalam mendedahkan metodologi beliau). Kemudian disusuli oleh tafsir Surah al-Fatiyah, al-Baqarah sehingga Surah Quraisy. Ini bermakna surah-surah berikutnya tiada ditafsirkan.

Adapun surah-surah pendek berikutnya pula, kemudian ditemui dalam satu lagi naskhah di Mesir yang berjumlah 266 tafsir. Naskhah ini dimulai dengan ayat daripada Surah al-Anbiya'. Lalu tulisan-tulisan tersebut disalin sebagaimana dilakukan terhadap satu salinan mikrofilem yang ditemui di Tasykent. Ia kemudian diperbesarkan untuk memudahkan pembacaan. Kedua-dua naskhah yang telah lengkap ini kesemuanya berjumlah 1200 mukasurat dan dibahagikan kepada empat bahagian.

#### 3.2.1 Perbahasan Beliau Terhadap Lafaz Basmalah

Al-Qusyayri menggarap lafaz yang jelas dan bernas dalam melengkapkan buku beliau sehingga selesai. Satu perkara yang perlu diambil perhatian di sini ialah pendiriannya terhadap lafaz Basmalah. Al-Qusyayri memulakan tulisannya degnan mentafsirkan Basmalah secara kalimah demi kalimah dan adakalanya huruf demi huruf. (Al-Qusyayri, ) Menurut beliau, Basmalah hanya berulang pada lafaz di setiap surah tetapi tidak pada maknanya. Malahan ia berbeza dan berfungsi secara tersendiri bagi surah-surah tersebut. Oleh itu, Basmalah pada Surah al-Qariah mempunyai makna yang berbeza degna Basmalah pada Surah al-Nisa'. Begitu juga dengan surah-surah yang lain. Ia mempunyai hubungan yang erat dengan keterangan dalam setiap surah. Hal ini mendorong beliau untuk cuba menyingkap makna tersirat di sebalik lafaz yang tersurat.

Berikut adalah beberapa kesimpulan berhubung pandangan beliau mengenai Basmalah:

- a. Lafaz Basmalah adalah sebahagian daripada ayat al-Quran tidak sebagaimana dakwaan sesetengah pihak yang menganggap Basmalah hanya sebagai pembuka bicara. (Al-Qadi, Abdul Jabar, )
- b. Lafaz Basmalah hanya berulang pada lafaz di setiap surah tetapi tidak pada maknanya kerana berulang adalah sifat makhluk tetapi al-Quran bukan makhluk. Setiap lafaz ayat mempunyai makna tersendiri.'
- c. Pengecualian Basmalah dalam surah al-Tawbah adalah dengan ketentuan Allah tanpa ada sebab lain. Menurut al-Qusyayri, pengecualian ini adalah untuk menunjukkan peri pentingnya taubat dalam kehidupan terutama dalam ibadah solat yang berfungsi untuk membersihkan jiwa dan memelihara kesempurnaan hubungan dengan Allah SWT.

#### 3.2.2 Kelaziman Dari Sudut Disiplin

- a. Pengarang membawa datang satu atau potongan ayat al-Quran.



- b. Setelah memberikan makna mufradat terhadap potongan ayat yang ingin ditafsirkan, al-Qusyayri membuat ulasan terhadap ayat menurut kumpulan tasawuf.
- c. Al-Qusyayri biasanya membawa datang satu atau beberapa pendapat lain sebelum beliau memberikan pendapatnya. Walau bagaimanapun, al-Qusyayri tidak menyebut golongan tersebut secara khusus sebaliknya menggunakan ganti seperti *عَبْدُ قَوْمٍ*. Sikap beliau ini sebenarnya menimbulkan keraguan di hati pembaca tentang ketinggian ilmu beliau. Walau bagaimanapun, sebagai seorang ulama sufi, beliau mungkin tidak mahu melibatkan dirinya dalam perkara-perkara yang boleh menggugat kesucian hati.
- d. Ketika membuat ulasan terhadap ayat-ayat al-Quran, al-Qusyayri menggunakan kalimah *يَقَالُ* (dikatakan). Kalimah ini tidak semestinya bermaksud al-Qusyayri memberikan pendapat orang lain, bahkan kebiasaannya, ia adalah bertujuan untuk menjelaskan lagi pandangan beliau dari aspek yang berbeza.

### 3.2.3 Kelaziman Dari Sudut Metodologi

- a. Pengarang memberikan tafsiran terperinci terhadap lafadz Basmalah bagi setiap surah sebelum memulakan tafsiran sesuatu surah. (al-Qusyayri, 2000)
- b. Untuk ayat-ayat yang memerlukan penguraian yang panjang, beliau telah menggunakan kaedah al-iqlal khasiyah al-malal iaitu beliau akan memecahkan satu ayat kepada pecahan tertentu bagi mengelakkan timbulnya rasa jemu di hati pembaca.
- c. Bagi surah-sursah yang dimulai dengan huruf hijaiyah atau muqatta'ah seperti Surah al-Baqarah, Yasin, Ha Mim Sajadah dan lain-lain, setiap huruf tersebut diterangkan dengan menggunakan kaedah tasawuf. Contohnya ketika mentafsirkan ayat 1, Surah al-Baqarah, Beliau berpendapat bahwa menurut para ahli hakikat, huruf Muqattha'ah merupakan huruf pembuka dari nama-nama-Nya. Misalnya huruf "Alif" berarti "Allah", huruf "Lam" menunjukkan pada nama-Nya yang "Latif", sedangkan huruf "Mim" menunjukkan nama-Nya "Majid dan Mulk". Walaupun begitu, beliau tetap mengatakan bahwa beliau menyatakan ayat ini termasuk dalam kategori ayat Mutasyabihat yang tidak diketahui takwilnya kecuali oleh Allah SWT. Manakala dalam Surah Luqman, huruf "Alif" diterangkan sebagai nikmat(الْأَنْوَاتُ), "Lam" ialah kelembutan (لِطْفَهُ) dan pemberianNya (عَطَانَهُ) dan "Mim" bermaksud kemuliaanNya (مَجْدُهُ) dan ketinggianNya (وَسْنَاهُ). Oleh itu, الْمُمْكِنَاتُ dalam surah ini dijelaskan dengan maksud menerusi nikmatNya, hilanglah kemarahan daripada penolongnya dengan kelembutan dan pemberianNya. Terpancar kasih dalam rahsiaNya dengan kemuliaan dan ketinggianNya. (al-Qusyayri, 2000)
- d. Beliau banyak mengemukakan isyarat-isyarat yang berharga yang berkaitan dengan hukum syarak seperti harta rampasan perang, timbangan, hutang, syahadah dan lain-lain. Begitu juga dalam masalah ibadah seperti puasa, solat, haji, zakat atau perkara yang berkaitan dengan asbab al-nuzul, cerit atau tanda-tanda kekuasaan Allah pada kejadian makhluk.

## 4.0 Komentar

Kitab ini merupakan sebuah kitab yang telah digarap dengan baik oleh pengarangnya dengan suatu sentuhan seni yang cukup mengesankan berdasarkan kaedah-kaedah tasawuf.



Meskipun demikian, di sini penulis cuba untuk menarik perhatian pembaca dengan memberikan komentar berkaitan buku ini:

1. Jika kita perhatikan al-Qusyayri, dalam banyak perkara lebih kepada mengambil jalan tengah dengan mengembalikan segala sebab dan musabbab sesuatu peristiwa kepada Allah SWT demi untuk mengelakkan berlakunya percanggahan pendapat. Hal ini mungkin ada relevannya dengan status beliau sebagai seorang ahli sufi yang sentiasa menjaga kesucian hati daripada sifat-sifat mazmumah.
2. Kitab ini adalah sebuah kita tafsir sentuhan seorang sufi yang sangat baik pengolahannya. Akan tetapi topic perbincangan yang dibawa adalah terlalu tinggi sehingga kadangkala ia sukar difahami terutama bagi orang-orang awam.

## 5.0 Kesimpulan

Al-Qusyayri dalam karya penulisannya ini telah berjaya mengetengahkan satu metode yang berlainan sama sekali dengan kitab tafsir lain. Beliau telah berjaya mencungkil isyarat-isyarat simbolik yang digunakan oleh al-Quran dengan baik. Semoga usaha beliau ini akan berkesinambungan untuk waktu-waktu seterusnya. Adalah diharapkan agar masyarakat dapat mengambil manfaat daripada kitab karangan al-Qusyayri ini.

## Rujukan

- Al-Dawudi, Syams al-Din Muhammad ibn Ali ibn Ahmad. 2002. *Tabaqat al-Mufassirin*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.
- Al-Qadi Abd Jabar. 1960. *Al-Mughni*. Kaherah: Dar al-Kutub al-Misriyyah.
- Al-Qusyayri. 2000. *Tafsir al-Qusyayri al-Musamma Lata'if al-Isyarat*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Firdaus Sulaiman. 2016, Tafsir Sufi: Kajian Analitikal Terhadap Kitab Tafsir Al-Bahr Al-Madid Fi Tafsir Al-Quran Al-Majid Oleh Ibn `Ajibah (1160 -1224 H). *Tesis PhD*. Universiti Malaya: Akademi Pengajian Islam.
- Ibn Kathir, Abu Fida' Ismail. 1997. *Al-Bidayah wa al-Nihayah*. Beirut: Maktabah al-Ma'arif.
- Ibn Khallikan, Yusuf 'Ali Tawil, Maryam Qasim Shamsu'l-Din, Ibrahim. 1998. *Wafiyat al-A'yan waAnba'i Abna' al-Zaman*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah
- Muhammad `Abd Allah Darraz. 1974. *Al-Naba'' al-'Azim*. Cet. 3. Kuwait: Dar al-Qalam.